



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 06/2022**

**KESEMPURNAAN SOLAT TERAS  
KESEJAHTERAAN HIDUP**

**09 Rejab 1443 H**  
*Bersamaan*  
**11 Februari 2022**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُخْتَارُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْأَبْرَارِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْأَطْهَارِ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْقَرَارِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.  
معاشر المسلمين حفظكم الله

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan juga diri saya sendiri, marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah s.w.t, dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan hidup kita dirahmati dan diberkati Allah s.w.t.. Bersempena dengan bulan Rajab sebagai bulan penghayatan ibadat solat, maka Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tentang tajuk:

### **Kesempurnaan Solat Teras Kesejahteraan Hidup**

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah!**

Solat merupakan suatu ibadat yang agung dalam Islam, yang diterima oleh Rasulullah s.a.w pada malam Isra' dan Mi'raj secara langsung daripada Allah s.w.t.. Memandangkan peri pentingnya solat dalam kehidupan manusia maka Nabi Ibrahim

a.s berdoa secara khusus untuk dirinya dan zuriatnya, sebagaimana firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 40:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤٠﴾

**Yang bermaksud:** Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang, dan zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku.

Dalam masa yang sama ibu bapa juga wajib mendirikannya sebagai contoh tauladan yang baik kepada anak-anak. Ini adalah kerana pendidikan melalui perbuatan adalah lebih berkesan berbanding dengan pendidikan melalui lisan semata-mata. Firman Allah dalam surah Toha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

**Yang bermaksud:** Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa.

Dalam menafsirkan ayat ini, Ibnu Kathir turut menyatakan bahawa mendirikan solat yang sempurna boleh mendatangkan rezeki yang tidak disangka-sangka.

### **Sidang Jumaat yang diberkati Allah!**

Kesempurnaan solat terbahagi kepada dua bahagian:

**Yang pertama :** Kesempurnaan zahir, iaitu dengan menyempurnakan segala rukun, syarat dan sunatnya mengikut sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak, baik dari segi bacaannya maupun dari segi perbuatannya. Tanpa melaksanakan segala

perkara tersebut, solatnya tidak sempurna malah mungkin tidak sah. Justeru bagi mencapai kesempurnaan tersebut, setiap individu muslim yang mukallaf wajib mempelajari ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan hukum hakam dan cara mendirikan solat sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Sabda Baginda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي ( رواه البخاري).

**Yang bermaksud:** Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang.

(H.R Bukhari)

**Yang kedua:** kesempurnaan batin, iaitu mendirikan solat dengan penuh khusyuk dan ikhlas kerana Allah. Tanpa khusyuk, solat tidak sempurna dan tanpa ikhlas, solat tidak akan diterima. Firman Allah dalam surah al Mukminun ayat 1 - 2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

**Yang bermaksud:** Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya.

Dan Firman Allah dalam surah al Baiyinah ayat: 5

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ

دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

**Yang bermaksud:** Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan yang demikian itulah agama yang benar.

## Sidang Jumaat yang diredhai Allah

Solat yang didirikan dengan sempurna dan menepati kehendak syarak banyak memberi kesan kepada kesejahteraan hidup, antaranya:

### Pertama: Memantapkan iman dalam hati

Seseorang yang mendirikan solat dengan sempurna, akan lebih mantap akidah dan keimanannya. Ini adalah kerana ia telah mendirikan solat dengan penuh keikhlasan dan pengabdian diri kepada Allah, selaras dengan firman Allah.s.w.t dalam surah al Anfal ayat 3-4:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا  
لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٤﴾

**Yang bermaksud:** Iaitu orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka mendapat pangkat di sisi Tuhan mereka, keampunan serta rezeki yang mulia.

### Kedua : Memberi ketenangan jiwa

Seseorang yang mendirikan solat dengan sempurna, jiwanya akan menjadi tenang, tidak resah dan gelisah dalam menghadapi cabaran hidup. Ini adalah kerana ia sentiasa yakin dan redha dengan ketentuan Allah serta menerimanya dengan lapang dada. Firman Allah s.w.t dalam surah al Maarij ayat 19-23:

❖ إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا

الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٣﴾

**Yang bermaksud:** Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut); Apabila ia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah; Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut; Kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang; Iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya;

### **Ketiga: Terpelihara dari segala perbuatan keji dan mungkar**

Seseorang yang mendirikan solat dengan sempurna akan dipelihara oleh Allah s.w.t daripada segala perbuatan maksiat. sebagaimana firman Allah dalam surah al Ankabut ayat 45:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ابْتَغَاءَ الصَّلَاةِ تَنْهَى عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

**Yang bermaksud:** Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahikan kepadamu dari Al-Qur'an, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. "

### **Keempat: Sentiasa dalam keadaan bersih,**

Seseorang yang mendirikan solat dengan sempurna, akan sentiasa berada dalam keadaan bersih, iaitu: bersih diri dari segala kekotoran zahir dan bersih hati dari kekotoran batin, kerana seseorang yang hendak mendirikan solat adalah wajib membersihkan dirinya dari hadas besar dan hadas kecil, membersihkan tubuh badan, pakaian dan tempat solat dari najis yang tidak dimaafkan, serta membersihkan hati dari sifat riya', suma'h, ujub dan sebagainya. Sabda Rasulullah saw:

لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوَرٍ

**Yang bermaksud:** Tidak diterima solat tanpa bersuci.

(Riwayat Muslim)

Dan sabda Rasulullah s.a.w dalam hadis al Qudsi (yang bermaksud):

Allah Taala berfirman: Aku terkaya daripada dipersekutukan, sesiapa yang melakukan sesuatu amal yang mempersekutukan Aku dengan yang lain, Aku akan membiarkannya bersama dengan yang disekutukannya (Aku tidak akan menerima amalannya)

(H.R. Muslim)

### **Kesimpulannya:**

Seseorang yang mendirikan solat dengan sempurna in sya Allah akan mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Ini adalah kerana ia sentiasa hidup dalam keadaan mengingati Allah, mentauhidkan Allah, menyerahkan diri kepada Allah, dan menerima segala ketentuan Allah, serta sentiasa tenang jiwanya kerana mendapat hidayah petunjuk dari Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى

مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

**Yang bermaksud:** yaitu orang yang mendirikan sembahyang, dan memberi zakat, serta mereka yakin tentang adanya hari Kiamat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُودُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.